



**INTERNATIONAL JOURNAL OF  
EDUCATION, PSYCHOLOGY  
AND COUNSELLING  
(IJEP)**  
[www.ijepc.com](http://www.ijepc.com)



## **PERSPEKTIF MAHASISWA TERHADAP KAWASAN RUKUN TETANGGA (KRT) DALAM MEMBENTUK KEMAHIRAN KEPIMPINAN**

*STUDENT PERSPECTIVE TOWARDS KAWASAN RUKUN TETANGGA (KRT) ON  
FORMING LEADERSHIP SKILLS*

Siti Afifah Kamaruzaman<sup>1\*</sup>, Khairul Ghufran Kaspin<sup>2</sup>

<sup>1</sup> Fakulti Sains Kumanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak  
Email: m20211002645@siswa.upsi.edu.my

<sup>2</sup> Fakulti Sains Kumanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak  
Email: ghufran@fsk.upsi.edu.my

\* Corresponding Author

### **Article Info:**

#### **Article history:**

Received date: 18.06.2023

Revised date: 03.07.2023

Accepted date: 25.07.2023

Published date: 11.09.2023

#### **To cite this document:**

Kamaruzaman, S. A., & Kaspin, K. G. (2023). Perspektif Mahasiswa Terhadap Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Dalam Membentuk Kemahiran Kepimpinan. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 8 (51), 37-49.

**DOI:** 10.35631/IJEP.851003

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



### **Abstrak:**

Kawasan Rukun Tetangga (KRT) telah wujud di Malaysia sejak tahun 1975. Sejak pernubuhannya, KRT berperanan untuk menjaga keselamatan komuniti setempat dan telah mengalami fasa perubahan iaitu menjadi sebuah medium kesepaduan dalam kalangan masyarakat pelbagai etnik melalui aktiviti yang dianjurkan. Dalam hal ini, mahasiswa merupakan kelompok yang sering terkait dengan aktiviti yang dianjurkan oleh KRT dalam membentuk kemahiran kepimpinan. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti perspektif mahasiswa terhadap KRT tempat kediaman mereka sendiri dalam membentuk kemahiran kepimpinan. Oleh itu, satu set soal selidik dijalankan sebagai instrumen kajian yang melibatkan sampel kajian seramai 120 orang mahasiswa Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Data telah dianalisis dengan menggunakan perisian komputer Statistical Package for Social Science (SPSS) versi 23.0. Hasil mendapat tahap persetujuan dalam kalangan mahasiswa terhadap kemahiran kepimpinan. adalah tinggi yang mana min keseluruhan adalah 4.08. Hal ini mendapat bahawa masih wujud kesedaran terhadap kepentingan kemahiran kepimpinan dalam kalangan mahasiswa. Bagi memastikan kesan pelaksanaan aktiviti KRT terhadap pengukuhan kemahiran kepimpinan di kawasan petempatan penduduk terus berjalan dengan jayanya, semua pihak harus berganding bahu dan bersatu padu dalam menggiatkan lagi pelaksanaan aktiviti KRT.

**Kata Kunci:**

Kawasan Rukun Tetangga, Kemahiran Kepimpinan, Mahasiswa

**Abstract:**

Kawasan Rukun Tetangga (KRT) has existed in Malaysia since 1975. Since its establishment, KRT has played a role in safeguarding the safety of the local community and has experienced a phase of change which is to become a medium of unity among communities of various ethnicities through organized activities. In this regard, students are a group that is often associated with activities organized by KRT in developing the leadership skills. The objective of this study is to identify the students' perspective towards KRT of their own place of residence in forming the spirit of leadership. Therefore, a set of questionnaires was conducted as a research instrument involving a study sample of 120 students of Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Data were analysed using the Statistical Package for Social Science (SPSS) computer software version 23.0. Results found the level of agreement among students on leadership skills is high of which the total mean is 4.08. This found that there is still an awareness of the importance of leadership skills among students. In order to ensure that the impact of the implementation of KRT activities on strengthening leadership skills in residential areas continues to be successful, all parties must join hands and unite in intensifying the implementation of KRT activities.

**Keywords:**

Kawasan Rukun Tetangga, Leadership Skills, Students

## Pengenalan

Malaysia merupakan sebuah negara yang harmoni walaupun didiami oleh pelbagai etnik. Keharmonian dapat dicapai dengan adanya hubungan kejiranan yang baik antara masyarakat tanpa mengira perbezaan latar belakang. Perbezaan dari segi agama, budaya, kepercayaan dan etnik tidak menjadi penghalang kepada keharmonian bersama. Hal ini kerana wujudnya hubungan kejiranan yang dapat menggalakkan kemahiran perpaduan dalam masyarakat (Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, 2021).

Hakikatnya bagi mengukuhkan keharmonian dan memacu keberkesanan agenda perpaduan, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) merupakan jabatan yang bertanggungjawab. Dalam hal ini, Kawasan Rukun Tetangga (KRT) merupakan salah satu inisiatif penyatupaduan untuk mengekal, memperkuat dan membina tapak integrasi bagi merapatkan hubungan muhibah dalam kalangan rakyat di Malaysia. (Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, 2021). Oleh itu, satu pelan telah dibentuk iaitu Pelan Pemerksaan Kepimpinan Komuniti Rukun Tetangga 2021-2030 bagi memacu agenda perpaduan. Pelan ini menggariskan lima teras iaitu memperkuatkan kepimpinan Rukun Tetangga sebagai pemangkin perpaduan, memperkasakan khidmat komuniti sebagai tapak integrasi nasional, meningkatkan keselamatan dan keharmonian komuniti menerusi aktiviti kesukarelawanan, memantapkan peranan Rukun Tetangga dalam meningkatkan kesejahteraan komuniti, dan memperkasakan kelompok komuniti (Kementerian Perpaduan Negara, 2021).

Kejayaan atau kegagalan sesebuah organisasi adalah bergantung kepada kewibawaan dan pengurusan pemimpin. Pemimpin merupakan individu yang akan bertanggungjawab terhadap hala tuju organisasi. Menurut Northouse (2021), kepimpinan merupakan kemampuan seseorang untuk mewujudkan keinginan dan dorongan terhadap orang lain bagi merealisasikan matlamat organisasi. Seorang pemimpin mampu mewujudkan perubahan positif dalam organisasi yang dipimpinnya. Juteru itu, struktur kepimpinan yang baik dari segi perancangan program adalah sangat penting. Prestasi KRT bergantung kepada tingkah laku dan pentadbiran penggerusi serta Ahli Jawatankuasa yang bertanggungjawab. Kegagalan dalam menguruskan KRT akan memberikan kesan negatif kepada masyarakat setempat.

Kemahiran kepimpinan merupakan salah satu elemen penting dalam keterampilan peribadi. Hal ini kerana kemahiran kepimpinan bukan sahaja meningkatkan pembangunan peribadi malah dapat menjadi pemangkin kepada mahasiswa untuk memperoleh kejayaan pada masa hadapan dalam pelbagai aspek kehidupan. Selain itu, kemahiran kepimpinan ini dapat memperkasakan mahasiswa untuk menjadi pembuat keputusan yang bijak dan penyelesai masalah yang berkesan (Tanveer et al., 2020). Kemahiran ini boleh dipupuk melalui pengalaman, pendidikan, aktiviti sukarela, dan penglibatan komuniti seperti KRT.

KRT merupakan organisasi yang sangat penting bagi memupuk kemahiran kepimpinan dalam kalangan masyarakat pelbagai etnik terutama dalam generasi muda seperti mahasiswa. Sekiranya kemahiran kepimpinan tidak dibentuk, maka perpaduan rakyat dan kestabilan negara akan turut terjejas kerana golongan muda masa kini merupakan pemimpin masa hadapan. Oleh itu, kemahiran kepimpinan perlu dipupuk melalui pelbagai strategi dan pelan yang telah disediakan untuk dijadikan sebagai garis panduan. Secara rangkumannya kajian terhadap perspektif mahasiswa terhadap KRT dalam membina kemahiran kepimpinan merupakan sebuah kajian yang sangat berkait rapat dengan kepimpinan dalam kalangan generasi muda masa kini.

Oleh itu, objektif umum dalam kajian ini adalah untuk mengenal pasti perspektif mahasiswa terhadap KRT tempat kediaman mereka sendiri dalam membentuk kemahiran kepimpinan. Secara khusus, kajian yang dijalankan ini adalah bertujuan untuk:

1. Mengenal pasti aktiviti yang mendorong KRT sebagai medium kepimpinan mahasiswa pelbagai etnik.
2. Meneliti tahap keberkesanan KRT sebagai medium kepimpinan mahasiswa pelbagai etnik.
3. Menilai tahap kemahiran kepimpinan dalam kalangan mahasiswa.

### Sorotan Literatur

Terdapat tiga aspek yang akan dibincangkan dalam sorotan literatur ini iaitu KRT, kepimpinan dan mahasiswa. Setiap aspek yang dibincangkan adalah untuk memahami dan menganalisis mengenai isu yang berkait dengan tajuk kajian.

### Kawasan Rukun Tetangga

Kawasan Rukun Tetangga (KRT) telah wujud sejak tahun 1975 di Malaysia. KRT telah berperanan untuk menjaga keselamatan komuniti setempat sejak awal pernubuhannya lagi. Seiring dengan perubahan semasa, peranan KRT telah mengalami fasa perubahan iaitu bermula sebagai Skim Keselamatan melalui pengawalan keselamatan di kawasan kediaman masing-

masing berubah menjadi sebuah peneraju keharmonian, keselamatan dan perkhidmatan kepada komuniti (Kementerian Perpaduan Negara, 2021).

Menurut kajian Mohd Syariefudin et al., (2020), perubahan yang dialami oleh KRT adalah seiring dengan keperluan semasa. Perubahan ini penting untuk menghadapi perubahan sosial dan ekonomi supaya peranan dan fungsi KRT kekal relevan bersesuaian dengan arus masa. Oleh itu, KRT dapat dijadikan sebagai sebuah badan yang dihormati dan mempunyai imej yang tinggi di kalangan masyarakat setempat sebagai bagi menguruskan perpaduan setiap kawasan.

Oleh itu, Pelan Pemerkasaan Kepimpinan Komuniti Rukun Tetangga 2021-2030 diperkenalkan sebagai inisiatif Kementerian Perpaduan Negara untuk memperkasa dan memperkuuhkan lagi peranan Rukun Tetangga sebagai sebuah organisasi sukarela dalam komuniti setempat. Pelan yang dirangka ini mengandungi tiga objektif utama iaitu memperkuuhkan peranan dan tanggungjawab kepimpinan komuniti Rukun Tetangga, memantapkan program perpaduan dan kesejahteraan komuniti Rukun Tetangga dan meningkatkan penglibatan aktif komuniti dalam aktiviti kesukarelawan Rukun Tetangga (Kementerian Perpaduan Negara, 2021). Berdasarkan pelan ini, aspek kepimpinan adalah fokus utama kerana kepimpinan yang berwibawa mampu menghasilkan tadbir urus yang cekap dan peranan KRT dapat dilaksanakan secara berkesan.

### ***Kepimpinan***

Keberkesan dan prestasi sesebuah organisasi adalah bergantung kepada kepimpinan. Hal ini dapat dibuktikan melalui kajian Hamidah (2014). Hasil kajian mendapati bahawa KRT yang kurang aktif berpuncanya daripada pengerusi yang gagal menjalankan peranannya sebagai pemimpin. Tingkah laku yang beretika oleh pemimpin merupakan elemen yang sangat penting dalam menentukan prestasi organisasi untuk terus mencapai kecemerlangan. Justeru itu, Pengerusi KRT perlu mempunyai tingkah laku yang baik dan memahami peranan sebagai seorang pemimpin secara menyeluruh agar penyatupaduan masyarakat boleh dicapai.

Kajian Hasan et al., (2018) menjelaskan bahawa kepimpinan adalah amat penting kerana berungsi sebagai asas utama kejayaan organisasi. Kegagalan dalam pengurusan dan pentadbiran akan menyukarkan organisasi tersebut untuk mencapai matlamatnya. Oleh itu, proses pemupukan kemahiran pemimpin merupakan aspek yang sangat penting dan perlu diberikan perhatian terutama bagi golongan muda iaitu mahasiswa. Hal demikian kerana mahasiswa merupakan pemimpin yang akan mengemudi arah pembentukan masyarakat yang seimbang antara rohani dan fizikal.

Menurut Jayasooria et al., (2019), pemimpin yang berdedikasi dan berpegang teguh kepada peranannya terhadap kepelbagaiannya dalam komuniti adalah penting dalam memastikan matlamat organisasi tercapai. Hal ini kerana penerimaan kepelbagaiannya dalam komuniti merupakan asas kepada perpaduan. Perselisihan faham dalam komuniti terutama antara pemimpin dan komuniti akan mencetuskan perbalahan dan mengganggu keharmonian bersama. Oleh itu kemahiran kepimpinan seharusnya dibentuk sejak di peringkat akar umbi yang berfokuskan sistem pengurusan kejiranan serta pembangunan penduduk yang menyeluruh.

### ***Mahasiswa***

Golongan mahasiswa merupakan kelompok yang dilihat mempunyai kelebihan tersendiri untuk membentuk perubahan dalam masyarakat. Kemahiran dalam memberi pendapat yang

logik akan menjadikan seseorang mahasiswa lebih dekat kepada komuniti. Nilai yang perlu diperbaiki dan dipertingkatkan adalah nilai kepimpinan (Zamri, 2020). Hal ini kerana pada masa hadapan, negara akan dipimpin oleh mahasiswa. Mahasiswa yang bakal menjadi pemimpin perlu bertanggungjawab dan bijak mengatur strategi agar dapat membina sebuah negara maju dan masyarakat berilmu tinggi.

Dalam konteks organisasi, ketua organisasi adalah pemimpin di dalam organisasi. Sekiranya mahasiswa yang dilantik sebagai ketua gagal dalam mengawal dan memimpin ahli dalam organisasi tersebut, maka segala tanggungjawab yang perlu dilaksanakan akan tergantung dan tidak memperoleh hasil yang diingini. Oleh itu, mahasiswa seharusnya menguasai kemahiran ini bagi memantapkan kepimpinan mereka pada masa hadapan dan menjadikan mereka seorang pemimpin yang berkaliber (Noor & Maizatul, 2021). Hakikatnya penglibatan mahasiswa dalam organisasi yang dianggotai oleh masyarakat setempat secara tidak langsung dapat membentuk kepimpinan berkesan serta institusi kemasyarakatan dapat diperkuuhkan lagi pada masa hadapan.

Hal ini dapat membuktikan bahawa, mahasiswa mempunyai tempat tersendiri dalam masyarakat dan ianya bermakna mereka tidak terpisah daripada masyarakat. Justeru itu, mahasiswa perlu menjalankan peranan dan tanggungjawab mereka dalam mencorakkan kehidupan sosial masyarakat. Terdapat empat peranan mahasiswa yang perlu diketangahkan iaitu sebagai agen perubahan, kawalan sosial, pelapis generasi kini dan modal insan (Habib, 2019). Jelaslah bahawa mahasiswa adalah penggerak utama dalam pembangunan masyarakat kearah yang lebih baik daripada semua aspek kehidupan.

### **Metodologi Kajian**

Reka bentuk kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah kajian deskriptif. Kajian deskriptif digunakan untuk mengumpul maklumat yang terdiri daripada seluruh populasi dan statistik asas seperti min, sisihan piaui, peratusan, frekuensi dan taburan skor (Rozmi, 2017). Selain itu, kaedah kuantitatif digunakan dalam kajian ini. Menurut Chua (2006) mendefinisikan kaedah kuantitatif dikaitkan dengan data numerika dan ketepatan yang mana berdasarkan penyelidikan yang menggunakan kajian eksperimental dan data numerika untuk dianalisis dengan ujian statistik. Pengkaji memilih untuk menjalankan kajian menggunakan kaedah kuantitatif kerana kaedah ini dapat menjimatkan masa, belanja dan tenaga.

Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan berdasarkan borang soal selidik untuk mengenal pasti perspektif mahasiswa terhadap KRT dalam membentuk kemahiran kepimpinan. Sampel kajian melibatkan mahasiswa UPSI yang terdiri daripada semester 1 hingga semester 4 yang mengambil pelbagai aliran. Seramai 120 orang mahasiswa UPSI daripada pelbagai latar belakang etnik telah dipilih menjadi responden kajian ini. Responden kajian perlu menjawab soal selidik yang telah diedarkan dalam bentuk *google form*.

Kajian yang dijalankan ini menggunakan kaedah tinjauan dengan mengedarkan borang soal selidik kepada para mahasiswa UPSI. Set soal selidik ini dibahagikan kepada empat bahagian yang terdiri daripada 35 item, Bahagian A mengandungi latar belakang responden. Bahagian B berkenaan dengan aktiviti KRT yang dapat membina kepimpinan terdiri daripada 15 item dengan menggunakan 5 kategori pemeringkatan skala Likert. Setiap peringkat diletakkan nilai skor iaitu (1) sangat tidak setuju, (2) tidak setuju, (3) tidak pasti, (4) setuju dan (5) sangat setuju. Bahagian C berkaitan dengan kemahiran kepimpinan yang mengandungi 15 item dengan skala Likert lima mata. Data yang dikumpulkan dianalisis menggunakan Statistical Package for

Social Science Version 23.0 (SPSS 23.0). Hasil dapatan kajian dibentangkan dalam bentuk jadual dan statistik deskriptif. Statistik deskriptif atau keperihalan yang digunakan ialah peratus, skor min dan sisihan piawai.

### **Dapatan Kajian**

Bahagian ini menerangkan hasil analisis dapatan kajian yang melibatkan analisis deskriptif bagi menilai data latar belakang responden dan menilai kesimpulan kajian dengan menggunakan Statistical Package for Social Sciences (SPSS).

### **Demografi Responden**

Berdasarkan analisis deskriptif taburan responden yang dijalankan, responden kajian terdiri daripada 35 orang (29.2%) mahasiswa lelaki dan 85 orang (70.8%) mahasiswa perempuan. Daripada dapatan tersebut, didapati bilangan mahasiswa perempuan melebihi daripada bilangan mahasiswa lelaki. Analisis yang dijalankan juga mendapati bilangan mahasiswa berbangsa Melayu yang terlibat dalam kajian ini ialah seramai 77 orang (64.2%), mahasiswa berbangsa Cina hanya 8 orang (6.7%), mahasiswa India pula adalah seramai 18 orang (15.0%), mahasiswa Bumiputera Sabah terdiri daripada 13 orang (10.8%) dan mahasiswa Bumiputera Sarawak adalah seramai 4 orang (3.3%). Dari segi agama pula, terdapat 87 orang (72.5%) mahasiswa yang beragama Islam. Bagi agama Buddha, terdapat seramai 2 orang (1.6%) mahasiswa menganuti agama tersebut. Terdapat 17 orang (14.2%) mahasiswa yang terlibat dalam kajian in beragama Hindu. dan selebihnya iaitu 14 orang (11.7%) terdiri daripada mahasiswa yang beragama Kristian.

Bagi analisis berkaitan fakulti pula, didapati terdapat seramai 52 orang (43.3%) mahasiswa daripada fakulti Bahasa dan Komunikasi, 6 orang (5.0%) mahasiswa dari fakulti Pembangunan Manusia, 20 orang (16.7%) terdiri daripada mahasiswa dari fakulti Sains & Matematik, 3 orang (2.5%) mahasiswa daripada fakulti Pengurusan & Ekonomi, 5 orang (4.2%) mahasiswa daripada fakulti Sains Kemanusiaan, 21 orang (17.5%) mahasiswa dari fakulti Seni, Komputeran & Industri Kreatif ,5 orang (4.2%) mahasiswa dari fakulti Sains Sukan & Kejurulatihan dan 8 orang (6.7%) terdiri daripada mahasiswa dari fakulti Teknikal & Vokasional yang terlibat sebagai responden dalam kajian ini. Bagi kategori negeri, seramai 11 orang (9.2%) mahasiswa yang berasal dari negeri Johor dan 14 orang (11.7%) berasal dari Kedah. Sebanyak 2 orang (1.7%) mahasiswa yang berasal dari Negeri Sembilan dan Wilayah Persekutuan. Bagi negeri Kelantan seramai 10 orang (8.3%) dan Melaka pula adalah seramai 4 orang (3.3%). Mahasiswa yang berasal dari Perak dan Sabah adalah sama iaitu sebanyak 15 orang (12.5 %). Seramai 7 orang (5.8%) mahasiswa yang berasal dari negeri Pahang dan 3 orang (2.5%) berasal dari Pulau Pinang. Bagi negeri Selangor dan Sarawak, seramai 12 orang (10.0%) mahasiswa yang berasal dari kedua dua negeri tersebut 13 orang (10.8%) terdiri daripada mahasiswa dari Terengganu.

**Jadual 1: Taburan Responden Kajian Mengikut Ciri Demografi**

Kategori	Jenis	Kekerapan	Peratus (%)
<b>Jantina</b>	Lelaki	35	29.2%
	Perempuan	85	70.8%
<b>Etnik</b>	Melayu	77	64.2%
	Cina	8	6.7%
	India	18	15.0%
	Bumiputera Sabah	13	10.8%

	Bumiputera Sarawak	4	3.3%
<b>Agama</b>	Islam	87	72.5%
	Buddha	2	1.6%
	Hindu	17	14.2%
	Kristian	14	11.7%
<b>Fakulti</b>	Bahasa dan Komunikasi	52	43.3%
	Pembangunan Manusia	6	5.0%
	Sains & Matematik	20	16.7%
	Pengurusan & Ekonomi	3	2.5%
	Sains Kemanusiaan	5	4.2%
	Seni, Komputeran & Industri Kreatif	21	17.5%
	Sains Sukan & Kejurulatihan	5	4.2%
	Teknikal & Vokasional	8	6.7%
<b>Negeri</b>	Johor	11	9.2%
	Kedah	14	11.7%
	Kelantan	10	8.3%
	Melaka	4	3.3%
	Negeri Sembilan	2	1.7%
	Pahang	7	5.8%
	Perak	15	12.5%
	Pulau Pinang	3	2.5%
	Selangor	12	10.0%
	Terengganu	13	10.8%
	Sabah	15	12.5%
	Sarawak	12	10.0%
	Wilayah Persekutuan	2	1.7%

Sumber: Kajian Lapangan 2023

Data yang dikumpul dianalisis secara statistik deskriptif (kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai). Interpretasi statistik deskriptif adalah seperti dalam Jadual 2 di bawah:

**Jadual 2: Tafsiran Skala Min**

Skala Min	Tahap
1.0-1.80	Sangat Rendah (SR)
1.81-2.60	Rendah (R)
2.61-3.40	Sederhana (S)
3.41-4.20	Tinggi (T)
4.21-5.00	Sangat Tinggi (ST)

Sumber: Kementerian Pelajaran Malaysia, 1998

### ***Mengenal Pasti Aktiviti yang Dianjurkan oleh KRT dalam Memupuk Kemahiran Kepimpinan***

Jadual 3 menunjukkan aktiviti yang dianjurkan oleh KRT dalam memupuk kemahiran kepimpinan. Berdasarkan jadual ini, dapatkan menunjukkan hanya item 2, iaitu “Ketua KRT di kawasan saya diketuai oleh generasi muda” mencatatkan tahap skor min yang terendah iaitu 2.84 dan sisihan piawai 1.077. Item ke-10, iaitu “Aktiviti KRT di kawasan saya disokong oleh segenap masyarakat kerana kepimpinan yang baik.” mencatatkan tahap min tertinggi iaitu 3.85 dan sisihan piawai 0.876, dan item ke-11, iaitu “Aktiviti KRT di kawasan saya dipimpin oleh

individu yang berketrampilan” menunjukkan bahawa tahap min kedua tertinggi, iaitu 3.82 dan sisihan piawai 0.879.

**Jadual 3: Aktiviti yang Dianjurkan oleh KRT dalam Memupuk Kemahiran Kepimpinan**

<b>Item Kajian</b>	<b>Min</b>	<b>Sisihan piawai</b>	<b>Tahap</b>
Ramai generasi muda yang aktif dalam KRT diketengahkan bakat mereka untuk memimpin.	3.66	0.957	Tinggi
Ketua KRT di kawasan saya diketuai oleh generasi muda.	2.84	1.077	Sederhana
Saya gemar menyertai aktiviti KRT kerana ia memberi input kepada saya untuk menjadi seorang ketua.	3.62	0.936	Tinggi
Keselamatan di KRT saya sangat dititikberatkan oleh ketua.	3.78	0.974	Tinggi
Keselamatan KRT saya sangat terjamin dengan gaya kepimpinan ketua.	3.76	0.907	Tinggi
Saya terpengaruh dengan gaya kepimpinan ketua dalam menangani isu keselamatan di KRT saya.	3.53	0.987	Tinggi
KRT saya dipimpin oleh ketua yang berdedikasi.	3.70	0.975	Tinggi
Gaya kepimpinan ketua di KRT saya sangat memberi inspirasi.	3.64	1.027	Tinggi
Saya ingin memimpin KRT di kawasan kediaman saya suatu hari nanti.	3.41	1.008	Tinggi
Aktiviti KRT di kawasan saya disokong oleh segenap masyarakat kerana kepimpinan yang baik.	3.85	0.876	Tinggi
Aktiviti KRT di kawasan saya dipimpin oleh individu yang berketrampilan.	3.82	0.879	Tinggi
Saya teruja dengan pemimpin KRT di kawasan saya semasa aktiviti dijalankan.	3.77	0.905	Tinggi
Ketua di KRT saya mengutamakan kebajikan segenap masyarakat.	3.77	0.985	Tinggi
Kebajikan adalah isu utama yang difokuskan oleh ketua di KRT saya.	3.78	0.936	Tinggi
Gaya kepimpinan ketua di KRT saya sangat memberi inspirasi kerana kebajikan diberikan keutamaan.	3.73	0.976	Tinggi
<b>Min Keseluruhan</b>	<b>3.64</b>		Tinggi

Sumber: Kajian Lapangan 2023

Kesimpulannya, mahasiswa berpendapat bahawa pelbagai aktiviti yang dianjurkan oleh KRT dapat memupuk kemahiran kepimpinan kerana tahap persetujuan adalah pada tahap tinggi. Aktiviti yang dianjurkan melibatkan semua lapisan masyarakat tanpa mengira perbezaan latar belakang di samping menekankan aspek perpaduan, keselamatan dan kebajikan. Selain itu, aktiviti yang dianjurkan oleh KRT juga menekankan kemahiran kepimpinan terutama kepada

golongan muda. Hal ini kerana kepimpinan yang kuat mampu memacu matlamat organisasi serta memenuhi kehendak ahlinya.

#### **Tahap Persetujuan dalam Kalangan Mahasiswa Terhadap Kemahiran Kepimpinan**

Jadual 4 menunjukkan tahap persetujuan dalam kalangan mahasiswa terhadap kemahiran kepimpinan. Berdasarkan jadual ini, dapatkan menunjukkan item pertama, iaitu “Seorang ketua perlu mengambil berat terhadap keperluan asas masyarakat.” mencatatkan tahap skor min yang paling tinggi iaitu 4.62 dan sisihan piawai 0.747. manakala, item ke-7, iaitu “Kehidupan di KRT kawasan saya sangat menyeronokkan” mencatatkan tahap min terendah iaitu 3.84 dan sisihan piawai 0.970. Item ke- 11 iaitu “Aktiviti KRT di kawasan saya mewujudkan perasaan yakin diri terhadap diri saya sendiri” dan item terakhir merupakan item ke-15, iaitu “Gaya kepimpinan ketua di KRT saya memenuhi hasrat hati penduduk setempat.” menunjukkan tahap min yang sama, iaitu 3.88 tetapi sisihan piawai yang berbeza iaitu 0.949 dan 0.975.

**Jadual 4: Tahap Persetujuan dalam Kalangan Mahasiswa Terhadap Kemahiran Kepimpinan**

Item Kajian	Min	Sisihan piawai	Tahap
Seorang ketua perlu mengambil berat terhadap keperluan asas masyarakat.	4.62	0.747	Sangat Tinggi
Apabila seseorang individu menjadi ketua, perkara yang paling asas perlu diutamakan.	4.44	0.868	Sangat Tinggi
Ketua di KRT kawasan saya mengutamakan keperluan asas masyarakat.	3.96	0.956	Tinggi
Perkara berkaitan keselamatan memerlukan usaha yang kuat dari seorang ketua.	4.37	0.849	Sangat Tinggi
Seorang ketua perlu memberi keutamaan terhadap keselamatan dalam kehidupan bermasyarakat	4.40	0.834	Sangat Tinggi
Ketua di KRT saya mengutamakan isu keselamatan penduduk.	4.01	0.966	Tinggi
Kehidupan di KRT kawasan saya sangat menyeronokkan.	3.84	0.970	Tinggi
Sebagai seorang individu, rasa selamat muncul ketika berada dalam kawasan KRT saya.	4.03	0.965	Tinggi
Ketua di KRT saya berjaya mewujudkan suasana kehidupan sosial yang sangat bermakna.	3.89	0.986	Tinggi
Penghargaan terhadap diri sendiri adalah perkara yang penting dalam kehidupan bermasyarakat.	4.03	0.907	Tinggi
Aktiviti KRT di kawasan saya mewujudkan perasaan yakin diri terhadap diri saya sendiri.	3.88	0.949	Tinggi
Ketua di KRT saya memberi peluang dalam meningkatkan penghargaan terhadap diri saya sendiri.	3.87	0.925	Tinggi
Hasrat diri seseorang individu perlu dipenuhi dalam kehidupan bermasyarakat.	4.14	0.781	Tinggi
KRT di kawasan saya sangat memenuhi hasrat saya sebagai penduduk.	3.87	0.961	Tinggi

Gaya kepimpinan ketua di KRT saya memenuhi hasrat hati pendukuk setempat.	3.88	0.975	Tinggi
<b>Min Keseluruhan</b>	<b>4.08</b>		<b>Tinggi</b>

Sumber: Kajian Lapangan 2023

Kesimpulannya, tahap persetujuan dalam kalangan mahasiswa terhadap kemahiran kepimpinan adalah pada tahap tinggi. Mahasiswa percaya bahawa aktiviti yang dijalankan KRT adalah untuk memupuk kemahiran kepimpinan dalam kalangan golongan muda. Kemahiran kepimpinan perlu dipupuk kerana ianya merupakan salah satu keperluan utama bagi setiap individu untuk menempuh kehidupan akan datang. Setiap keputusan yang diambil akan memberikan kesan kepada diri sendiri serta masyarakat sekeliling. Oleh itu, kemahiran kepimpinan sangat diperlukan dan perlu diberikan keutamaan.

### **Perbincangan**

Kemahiran kepimpinan merupakan asas utama dalam diri setiap individu terutama generasi muda. Hal ini kerana generasi muda masa kini merupakan pemimpin pada masa hadapan. Oleh itu, keharmonian dan kesejahteraan negara terletak di tangan mereka. Sehubungan dengan itu, matlamat ini boleh dicapai dengan adanya KRT yang diperkasakan melalui Pelan Pemerksaan Kepimpinan Komuniti Rukun Tetangga 2021-2030. Pelan ini berlandaskan dua strategi utama iaitu untuk meningkatkan kualiti kepimpinan Rukun Tetangga dan meningkatkan penglibatan golongan muda sebagai pemimpin pelapis Rukun Tetangga (Kementerian Perpaduan Negara, 2020). Oleh itu, kajian perspektif mahasiswa terhadap Kawasan Rukun Tetangga (KRT) untuk membina kemahiran kepimpinan dalam kalangan mahasiswa UPSI dihasilkan.

Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa skor min bagi pandangan mahasiswa terhadap aktiviti yang dianjurkan oleh KRT dalam memupuk kemahiran kepimpinan dan tahap persetujuan dalam kalangan mahasiswa terhadap kemahiran kepimpinan berada pada tahap yang tinggi. Kemahiran kepimpinan merupakan salah satu kemahiran yang perlu diberikan perhatian terutama kepada golongan muda. Ianya boleh diterapkan melalui Jiran Muda dan Skim Rondaan Sukarela (SRS).

Dalam tahap persetujuan mahasiswa terhadap aktiviti yang dianjurkan aktiviti yang dianjurkan oleh KRT dalam memupuk kemahiran kepimpinan adalah pada tahap yang tinggi. Kemahiran kepimpinan bukan sahaja dapat dipupuk melalui aktiviti yang dianjurkan malah ianya boleh dibentuk melalui bagaimana aktiviti tersebut dilaksanakan. Dapatan kajian pengkaji diperkuatkan lagi dengan kajian oleh Ming et al., (2019) mendapati selain daripada melaksanakan aktiviti berlandaskan lima teras iaitu perpaduan, ekonomi, keselamatan, pendidikan dan kualiti hidup, KRT juga dianggap sebagai asas kepimpinan yang membawa transforasi kepada masyarakat pelbagai lapisan etnik.

Jiran Muda diwujudkan untuk memainkan peranan penting dalam membantu KRT untuk mencapai matlamat memupuk semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat berbilang etnik. Dalam hal berkaitan jiran muda ini, kajian Zaizul et al. (2018) mendapati bahawa tahap semangat perpaduan dalam kalangan jiran muda, terutama yang tinggal di kawasan perumahan rakyat adalah sederhana. Beberapa cadangan dihujahkan dalam kajian tersebut untuk mengukuhkan lagi perpaduan dalam kalangan jiran muda iaitu agar pihak berkepentingan dapat merangka program yang dapat memberi manfaat untuk jiran muda.

Bagi tahap persetujuan dalam kalangan mahasiswa terhadap kemahiran kepimpinan menunjukkan tahap yang tinggi kerana mereka percaya bahawa pengurusan aktiviti dapat mencerminkan keadaan sebenar bagaimana sebuah organisasi itu berfungsi. KRT yang merupakan sebuah organisasi sukarela yang melibatkan semua golongan masyarakat seharusnya mempunyai struktur organisasi yang stabil dan kukuh. Hal ini kerana menurut Sarjit et al., (2021) Jawatankuasa KRT merupakan individu yang bertanggungjawab dalam memimpin dan mentadbir organisasi KRT. Mereka telah diberikan kepercayaan untuk menguruskan dan melaksanakan aktiviti bagi pembangunan komuniti. Kepimpinan yang baik secara tidak langsung dapat memupuk penglibatan lebih ramai golongan muda dalam aktiviti yang dianjurkan. Justeru itu, sebuah KRT yang berfungsi dengan sempurna adalah kerana kepimpinannya yang baik dan bertanggungjawab.

KRT dari sudut penyelidikan oleh Norwahidah dan Lyndon (2016), adalah lebih menfokuskan kepada keselamatan komuniti di Sabah. Hasil kajian yang diperoleh mendapati pengertian "selamat" yang difahami adalah melibatkan aspek fizikal dan aspek psikologi yang dipengaruhi oleh budaya mereka. Konsep keselamatan komuniti juga diterima baik oleh masyarakat melalui program SRS yang dipengaruhi oleh faktor kepimpinan. Hal ini kerana, kepimpinan dapat mempengaruhi struktur dalam sebuah komuniti serta dapat menyemai semangat kejiranian tanpa mengira latar belakang masyarakat.

Dari sudut yang lain terdapat kajian yang dilakukan oleh Khairul et al., (2018) yang menjadikan mahasiswa sebagai subjek kajian. Dalam kajian tersebut, pengkaji telah mengkaji mahasiswa dari sudut mata pelajaran sejarah di sekolah sebagai medium perpaduan. Walaupun kajian tersebut tiada kaitan mengenai KRT namun secara perbandingannya, terdapat sedikit persamaan iaitu untuk mengenal pasti perspektif mahasiswa terhadap KRT dalam membentuk kemahiran kepimpinan

Jelaslah bahawa aktiviti yang dianjurkan oleh KRT dapat memberikan kesan yang positif kepada mahasiswa dalam memperkuuhkan kesepadan etnik. Kesedaran mahasiswa terhadap kepentingan penyertaan dan keaktifan dalam aktiviti KRT ini mampu menyumbang kepada kesejahteraan dan keharmonian di kawasan komuniti setempat.

## **Kesimpulan**

Secara kesimpulan, kajian ini mendapati bahawa aktiviti di KRT merupakan medium yang paling sesuai dalam membentuk kemahiran kepimpinan dalam kalangan mahasiswa. Kajian ini mendapati bahawa aktiviti aktiviti yang dianjurkan oleh KRT meliputi semua aspek kehidupan iaitu perpaduan, keselamatan dan kebajikan. Hal ini telah menjadikan aktiviti KRT sebagai faktor utama untuk menggalakkan mahasiswa pelbagai etnik dalam menjadi pemimpin yang berwibawa pada masa akan datang. Berdasarkan kajian ini, aktiviti yang dianjurkan oleh KRT dalam memupuk kemahiran kepimpinan, telah mencatatkan min keseluruhan adalah 3.64. Oleh itu, tahap yang diperoleh adalah tinggi. Mahasiswa mempunyai kesedaran bahawa setiap aktiviti KRT yang melibatkan semua lapisan masyarakat pelbagai etnik secara tidak langsung dapat membina kemahiran kepimpinan dalam diri masing masing. Dari sudut tahap persetujuan dalam kalangan mahasiswa terhadap kemahiran kepimpinan juga adalah tinggi dengan min keseluruhan iaitu 4.08. Kajian ini juga membuktikan bahawa aktiviti KRT dapat mewujudkan kemahiran kepimpinan dalam kalangan mahasiswa. Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa kajian ini telah mendapati KRT merupakan sebuah medium yang sangat sesuai dalam memacu kemahiran kepimpinan dalam kalangan mahasiswa pelbagai etnik.

## Pengakuan

Penyelidik merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat khususnya kepada mahasiswa UPSI yang melibatkan diri secara sukarela sepanjang proses kajian ini dijalankan.

## Rujukan

- Chua Yan Piaw. (2006). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan*. Kuala Lumpur: McGraw Hill.
- Habib Cahyono. (2019). Peran mahasiswa di Masyarakat. *De Banten-Bode: Jurnal Pengabdian Kepada Masyarakat (PKM) Setiabudhi*, 1(1), 35-40.
- Hamidah Abu Bakar. (2014). *Kepimpinan Rukun Tetangga: Satu Kajian Kes di Kawasan Rukun Tetangga, Kampung Malaysia Raya, Cheras, Kuala Lumpur*. (Tidak diterbitkan). [Tesis Ijazah Sarjana Sains Kemasyarakatan. Universiti Kebangsaan Malaysia].
- Hasan Al-Banna Mohamed, Mohd Hamran Mohamad, Sayuti Abd Ghani, Burhanuddin Jalal, Rogis Baker, Nur Surayya Mohd Saudi & Rosmah Mohamed. (2018). Konsep JERI Ke Arah Pembentukan Kepimpinan Berkarisma dalam Kalangan Mahasiswa Universiti. *Proceeding of International Research Conference on Humanities, Social Sciences and Technology, Kota Bharu, Kelantan, 9 – 10 Disember 2018*.
- Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN). (2021). *Panduan Pengurusan dan Pentadbiran Rukun Tetangga*. Putrajaya: Kementerian Perpaduan Negara
- Jayasooria, Denison, & Raj James Ryan. (2019). Kajian Berasaskan Pengalaman: Pengasasan Kejiranan Komuniti Bandar, Kesepadan Sosial dan Kualiti Kehidupan. *Jurnal PERPADUAN*, 5, 24-49.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (1998). *Faktor-faktor yang Mempengaruhi Minat Mengajar di Kalangan Guru*. Putrajaya: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan.
- Kementerian Perpaduan Negara. (2021). *Pelan Pemerkasaan Kepimpinan Komuniti Rukun Tetangga 2021-2030*. Putrajaya: Kementerian Perpaduan Negara.
- Khairul Ghufran Kaspin, Mansor Mohd Noor & Mohd Mahzan Awang. (2018). Perspektif Pelajar Terhadap Kurikulum Sejarah Peringkat Menengah di Malaysia. *Jurnal PemikirPendidikan*. 9(9): 31-42
- Mohd Syariehudin Abdullah, Mazdi Marzuki, Mohd Marzuqi Abdul Rahim, Muhammad Akramin Kamarul Zaman & Khairul Ghufran Kaspin. (2020). Penubuhan Rukun Tetangga Di Malaysia daripada Perspektif Islam. *Tinta Artikulasi Membina Umah*, 6(1), 102-104.
- Ng Ming Yip, Hamdan Bin Dato' Mohd Salleh, Fairojibanu Binti Zainal Abidin, Nur Athirah Syuhada Binti Hasn,i Ahmad Tarmizi Bin Zakaria & Nurhusna Binti Abdul Malek. (2019). Keberkesanan Rukun Tetangga dalam Pengurusan Permasalahan Setempat: Kajian Kes di Kuala Selangor. *Persidangan Kebangsaan Masyarakat Dan Kebudayaan di Malaysia (MKM)*, Univeristi Malaya, Kuala Lumpur, 9 -10 Oktober 2019.
- Noor Afzaliza Nazira Ibrahim & Maizatul Haizan Mahbob. (2021). Keterampilan Peribadi Pelajar Sebagai Satu Bentuk Kemahiran Komunikasi dan Kepentingannya dalam Pasaran Dunia Pekerjaan. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*. 37(1): 211-214.
- Northouse, P. G. (2021). *Leadership: Theory and practice*. (8th ed.). SAGE Publications.
- Norwahidah Zinalibdin & Novel Lyndon (2016). Makna rasa selamat komuniti Malaysia dalam Program Skim Rondaan Sukarela: Kajian Kes KRT Taman Putera Jaya, Kota Kinabalu, Sabah. *Geografi*, 12(5): 22-30

- Rozmi Ismail. (2017). *Metodologi Penyelidikan: Teori dan Praktis* Edisi Keempat. Bangi:Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sarjit S. Gill, Zulkhairi Zainal, A.T Talib, Mohd Roslan Rosnon & K. Puvaneswaran. (2021). Pemimpin Rukun Tetangga dalam Merealisasikan Agenda Dasar Perpaduan Negara. [Paper presentation]. *International Online Conference of Social Sciences and Management*, 22- 23 Jun 2021. (pp 72-80)
- Tanveer, M., Ahmad, I., Gulzar, M. A., & Rasheed, S. (2020). The role of leadership skills in the academic success of students. *Journal of Education and Educational Development*, 7(1), 125-139.
- Zaizul Ab Rahman, Fauziah Ibrahim dan Nasrudin Subhi. (2018) Faktor Keagamaan Yang Mempengaruhi Semangat Perpaduan dalam Kalangan Remaja yang Tinggal di Kawasan Program Perumahan Rakyat (PPR). *Global Journal Al-Thaqafah*. 8 (1): 107-114.
- Zamri Sarji. (2020). Mahasiswa Nadi Penggerak Masyarakat Bertamadun. Retrieved 06 Februari 2020 from <https://www.bharian.com.my/renanca/surat-pembaca/2020/02/653005/mahasiswa-nadi-penggerak-masyarakat-bertamadun>